

1983

SEREMBAN, 2 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENEGASKAN PINDAAN KEPADA PERLEMBAGANA BUKAN BERTUJUAN MEMBERI KUASA KEPADA BELIAU TETAPI SEMATA-MATA UNTUK MENENTUKAN HAK RAKYAT TIDAK TERCABUL DAN DIKETEPIKAN BEGITU SAHAJA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN PINDAAN ITU MENJELASKAN KEDUDUKAN KUASA YANG ADA PADA RAKYAT DAN MENENTUKAN CITA-CITA SERTA KEHENDAK MEREKA TERCAPI DALAM PENTADBIRAN NEGARA YANG MENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI.

BELIAU KESAL KERANA TERDAPAT SETENGAH-SETENGAH GOLONGAN YANG SENGAJA MEMUTARBELITKAN TUJUAN PINDAAN ITU DENGAN MENUDUH KONONNYA BELIAU BERTUJUAN MEREBut KUASA.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEMASA BERUCAP DI DEPAN 30,000 ORANG PENDUDUK YANG BERTUMPUN DI PADANG NSCRC DI SINI PAGI INI SETIBANYA UNTUK MERASMIKAN PERLETAKAN BATU ASAS DEWAN PERBANDARAN SEREMBAN.

PENDUDUK ITU YANG TERMASUK DARI SELANGOR DAN MELAKA MEMBAWA SEPANDUK DAN POSTER MEMAPARKAN GAMBAR PERDANA MENTERI TELAH MELAUNGKAN 'HIDUP MAHATHIR' BEBERAPA KALISEMASA PERDANA MENTERI MEMBUAT UCAPAN SELAMA KIRA-KIRA 45 MINIT UNTUK MENJELASKAN ISU PINDAAN KEPADA PINDAAN PERLEMBAGAAN NEGARA. -- LAGI 1350/II

'SAYA BERIKRAR DI SINI SAYA TIDAK BERNIAT UNTUK MencARI KUASA. BAGI SAYA SUDAH CUKUP KUASA YANG ADA PADA SAYA INI,' TEGASNYA DENGAN SAMBUTAN TEPUKAN GEMURUH SERTA LAUNGAN 'KAMI MAHU MAHATHIR.'

'MALNAGNYA ADA BEBERAPA KELOMPOK SENGAJA MEMUTARBELITKAN PINDAAN DAN MENGELIRUKAN RAKYAT DENGAN MENGATAKAN IA SATU USAHA REBUTAN KUASA OLEH PEMIMPIN KERAJAAN KHUSUSNYA SAYA SENDIRI,' KATA BELIAU.

SAMBIL MENSIFATKAN GOLONGAN ITU SEBAGAI 'MENANGGUK DI AIR KERUH,' PERDANA MENTERI BERKATA PERBUATAN MEREKA ITU TELAH MENIMBULKAN KERAGUAN DI KALANGAN RAKYAT SEHINGGA CITA-CITA KERAJAAN UNTUK KEBAIKAN RAKYAT TERGENDALA 'OLEH ORANG-ORANG YANG MEMBANGKITKAN MASALAH YANG TAK PATUT SAMA-SEKALI SEMATA-MATA ATAS TAFSIRAN SENDIRI.'

'SAYA TIDAK PENTING, YANG PENTING IALAH RAKYAT. OLEH ITU SAYA MEMINTA JANGAN MENDEWA-DEWAKAN SESIAPA TERMASUK SAYA,' TAMBAH BELIAU APABILA PERHIMPUNAN MELAUNGKAN 'MAHATHIR, MAHATHIR' DIIRINGI DENGAN TEPUKAN.

'SAYA JUGA INGIN MENJELASKAN BUKAN MENJADI TUJUAN PERHIMPUNAN INI UNTUK MENDEWA-DEWAKAN MANA-MANA PEMIMPIN. SOAL PINDAAN INI BUKAN SOAL UNTUK MAHATHIR KERANA SAYA TIDAK PENTING TETAPI YANG PENTING IALAH PERJUANGAN RAKYAT,' TAMBAH BELIAU DENGAN SEKALI LAGI TEPUKAN GEMURUH SERTA LAUNGAN 'MERDEKA.' -- LAGI 1355/II

PEMBETULAN SEGERA 'R'R'R'

BERITA MAHATHIR-PERLEMBAGAAN 3 SEREMBAN (SLUG B53J)

PARA EMPAT HARAP BACA:

+INI SUDAH TENTU TIDAK DIINGINI OLEH RAKYAT,+ KATANYA DENGAN SAMBUTAN +SETUJU, SETUJU+ OLEH MEREKA YANG BERTAMPIL.

BERIKUT ADALAH ULANG PEMBETULAN:

MAHATHIR-PERLEMBAGAAN 3 SEREMBAN

DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN PINDAAN ITU TERPAKSA DIBUAT KERANA TERDAPAT BEBERAPA KECACATAN DALAM PERLEMBAGAN YANG TIDAK MENENTUKAN HENDAK DAN KUASA RAKYAT SECARA YANG JELAS DAN INI KEMALAU BOLEH MENGHALANG KEMAJUAN NEGARA.

MENURUT DATUK SERI DR MAHATHIR ADA YANG TERCATIT DALAM PERLEMBAGAAN SEKARANG YANG MENKELIRUKAN TERUTAMA SEKALI KUASA RAKYAT MENYERUSI PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN INI MENYEBABKAN TERJADINYA BEBERAPA PERISTIWA YANG MENGGUGATKAN PENTADBIRAN NEGERI-NEGERI.

+INI SUDAH TENTU TIDAK DIINGINI OLEH RAKYAT,+ KATANYA DENGAN SAMBUTAN +SETUJU, SETUJU+ OLEH MEREKA YANG BERTAMPIL.

PERDANA MENTERI BERKATA, +MUJURLAH PERKARA INI CUMA BERLAKU DI NEGERI-NEGERI TETAPI JIKA BERLAKU DI PERINGKAT NEGARA DAN PARLIMEN SUDAH TENTU AKAN MENCETUSKAN HURU-HARA DI NEGARA INI.+

+KITA TIDAK HENDAK MENGAMBIL KUASA DARIPADA SESIAPA TETAPI UNTUK MENJELASKAN KEDUDUKAN KUASA YANG ADA PADA RAKYAT SERTA CITA-CITA MEREKA TERCAPAI DAN TIDAK DICABULI ATAU DIKETEPIKAN BEGITU SAHAJA,+ TAMBAHNYA.

BELIAU MENGULANGI PEMIMPIN CUMA ALAT BAGI RAKYAT MENCAPAI CITA-CITANYA DAN RAKYATLAH JUGA BERKUASA MEMILIH PEMIMPIN SEBAB ITU PILIHANRAYA DIADAKAN LIMA TAHUN SEKALI UNTUK MEMBOLEHKAN RAKYAT MENENTUKAN SAMA ADA PEMIMPIN YANG DIPILIH MENJALANKAN TUGAS ATAU TIDAK.

-- LAGI 1740/ZCM

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 4 SEREMBAN ''''

BERNAMA MENYERU MENEGASKAN SISTEM DEMOKRASI YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI MENJAMIN KEDAULATAN RAKYAT DAN MENJAMIN SUARA RAMAI YANG AKAN MENENTUKAN KEBAIKAN UNTUK RAKYAT SENDIRI.

INI BERBEZA DENGAN ZAMAN PENJAJAH DAHULU DI MANA RAKYAT SENDIRI TIDAK ADA PERANAN SAMA SEKALI DAN SEGALA-GALANYA DITENTUKAN OLEH PIHAK ATASAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENERANGKAN SELEPAS MERDEKA, RAKYAT SENDIRI BOLEH MENENTUKAN NASIB NEGARA DAN MEMILIH SISTEM DEMOKRASI DAN RAJA BERPERLEMBAGAAN.

''INI SATU SISTEM BAIK SEKALI KERANA MENGEKALKAN KUASA RAKYAT DAN MELETAKKAN RAJA DI TEMPAT YANG TINGGI,'' KATA BELIAU.

BELIAU MENJELASKAN UNTUK MENTUKAN KUASA RAKYAT DAPAT DISELENGGARAKAN DAN CITA-CITA MEREKA TERCAPAI, KERAJAAN TELAH MENGGUBAL SATU PERLEMBAGAAN YANG MENCERMINKAN HASRAT RAKYAT MENERUSI SISTEM DEMOKRASI PARLIMEN.

BAGAIMANAPUN, SUNGGUHPUN PERLEMBAGAAN NEGARA INI DIGUBAL OLEH BEBERAPA ORANG HAKIM DARI BEBERAPA NEGARA YANG BIJAKSANA TETAPI SEBAGAI MANUSIA BIASA, TERDAPAT KECACATAN DAN KESILAPAN YANG MEMERLUKAN PERLEMBAGAAN ITU DIPINDA DARI MASA KESEMASA. -- LAGI 1430/II

ZCZC B539

MAHATHIR - PERLEMBAGAAN 5 SEREMBAN ''''

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN SEGALA PINDAAN YANG DILAKUKAN BUKAN KEHENDAK KERAJAAN SEMATA-MATA TETAPI DEMI MENCAPAI CITA-CITA RAKYAT UNTUK KEBAHAGIAN MEREKA.

''PEMIMPIN ADALAH PILIHAN RAKYAT DAN TIDAK MEMPUNYAI KUASA MUTLAK UNTUK BERBUAT SESUKA HATI.''

BELIAU MENGINGATKAN SEJAK 26 TAHUN MERDEKA, RAKYAT TELAH BERJAYA MENIKMATI BERBAGAI NIKMAT PEMBANGUNAND AN PERUNTUKKAN YANG MENCUKUPI SUNGGUHPUN TINGGAL DI KAWASAN TERPENCIL.

BELIAU YAKIN DENGAN SEGALA SOKONGAN DAN BANTUAN RAKYAT, KERAJAAN AKAN TERUS MENYUMBANGKAN KHIDMAT DEMI MEREKA MENCAPI CITA-CITA DAN KEHENDAK DALAM NEGARA YANG BAHAGIAN INI.

''PEMIMPIN DATANG DAN PEMIMPIN PERGI, TETAPI YANG KEKAL IALAH RAKYAT...BEGITU JUGA SAYA, SAYA TIDAK PENTING, YANG PENTING IALAH RAKYAT DAN SAYA HARAP RAKYAT AKAN MEMBERI SOKONGAN KEPADA PINDAAN INI.'' -- BERNAMA 1433/II